

BAB KEENAM

BAB KEENAM

PENUTUP

6.1 Kesimpulan Dan Rumusan Analisa

Daripada perbincangan di dalam disertasi yang bertajuk "*Perlindungan Terhadap Isteri Teraniaya Menurut Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983*" ini, banyak kesimpulan dan rumusan dapat dibuat.

Dari segi maksud, penganiayaan isteri ialah sebarang perbuatan atau pengabaian yang mendatangkan kesan negatif terhadap fizikal, emosi, seksual atau harta benda yang dilakukan oleh seorang suami terhadap isteri atau bekas isterinya.

Jika dilihat dari sudut sejarah, keganasan dan penganiayaan sesama manusia, lebih-lebih lagi melibatkan perempuan, bukanlah perkara baru. Bermula dengan peristiwa dua beradik Qabil dan Habil, keganasan dan penganiayaan terus berlaku di dalam masyarakat manusia sehingga hari ini dengan berbagai-bagai bentuk dan cara, di dalam keluarga atau sebaliknya.

Perbuatan ganas dan merosakkan amat dilarang oleh Islam di antara sesama makhluk. Lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang mempunyai ikatan kekeluargaan. Malah sebaliknya Islam amat menggalakkan sifat kasih sayang dan belas kasihan

sesama manusia sehingga Allah meletakkan kewajiban **metaati** ibu bapa selepas perintah mentauhidkan-Nya.

Begitu juga kepada isteri, yang mana suami diperintahkan berbuat baik dan melindungi mereka. Namun, penganiayaan isteri terus berlaku. Fenomena ini mempunyai banyak faktor penyumbang yang telah dikenalpasti. Contohnya perselisihan faham, kemiskinan yang menyebabkan ketua keluarga tidak mampu menyara tanggungan, pemabuk, penagih dadah dan sikap panas baran.

Kesan daripada penganiayaan isteri pula, bukan sahaja dirasai oleh mangsa tetapi turut dirasai oleh pelaku, anak-anak dan keluarga kedua belah pihak. Pengalaman mangsa dan anak-anak terutamanya, boleh mempengaruhi personaliti diri dan cara hidup mereka pada masa hadapan seperti menjadi pendendam, panas baran, pasif atau bersikap ganas terhadap orang lain.

Dalam usaha menangani permasalahan isteri teraniaya, badan-badan kerajaan turut menjalankan peranan dalam bentuk pendidikan, pencegahan, rawatan, perundangan dan pemulihan. Agensi-agensi kerajaan yang terlibat ialah seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kementerian Kesihatan dan Jabatan Polis.

Begitu juga pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan yang berperanan membantu dan menyokong agensi kerajaan dalam menyediakan berbagai-bagai khidmat bagi menangani permasalahan berkaitan penganiayaan isteri. Antara pertubuhan bukan kerajaan yang bergerak aktif ialah Women's Aid Organisation (WAO), All Women's Action Movement (AWAM), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) dan Sisters In Islam (SIS).

Badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan ini bergerak seiring dalam usaha membantu isteri teraniaya. Hubungan erat dan kerjasama bersepadu antara kedua-dua badan ini amat penting dan berguna bagi membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan terutamanya kepada mangsa penganiayaan. Perkara ini terbukti dengan penubuhan Pusat Khidmat Bersepadu (*One Stop Crisis Center*) yang menggabungkan peranan pihak hospital, polis, agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan bukan kerajaan seperti *Women's Aid Organisation* (WAO), termasuk juga bantuan perundangan dari Biro Bantuan Guaman.

Menyedari penganiayaan isteri merupakan satu perkara yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat, beberapa akta yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang memberi perlindungan kepada mangsa dan hukuman kepada pelaku, telah digubal. Antaranya ialah Undang-Undang Keluarga Islam, Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Percerian) 1976, Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973, Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah dan terbaru Akta Keganasan Rumahtangga 1994.

Undang-Undang berkenaan keganasan rumahtangga yang telah ada didapati boleh membantu memberi perlindungan kepada mangsa, terutamanya selepas Akta Keganasan Rumahtangga 1994 dikuatkuasakan. Undang-Undang yang ada juga memperuntukkan hukuman kepada pelaku jika terdapat bukti perbuatan mencederakan secara fizikal telah dilakukan.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 1983 adalah antara undang-undang yang memberi perlindungan kepada isteri-isteri teraniaya. Mereka boleh membuat pendakwaan dan tuntutan menggunakan undang-undang ini untuk melepaskan diri dari terus didera dan menuntut nafkah.

Peruntukan berkaitan yang boleh digunakan oleh isteri-isteri teraniaya terdapat dalam seksyen 35, 37, 38 dan 108 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 1983 . Namun, kebanyakan isteri didapati mengambil keputusan membuat pendakwaan dan tuntutan menggunakan sek. 37 iaitu tuntutan cerai taklik kerana prosedurnya yang lebih mudah.

Walaupun ada peruntukan yang membolehkan suami dihukum denda atau penjara, namun ia boleh dianggap sebagai tidak digunakan kerana kecenderungan tuntutan isteri-isteri teraniaya hanya melepaskan diri dari terus didera, bukannya menghukum suami mereka.

Peruntukan fasakh pula tidak digunakan oleh isteri teraniaya kerana prosedurnya yang agak rumit. Tambahan pula peruntukan fasakh yang ada tidak menyebutkan secara jelas menganiyai isteri sebagai antara sebab-sebab yang membolehkan seseorang isteri membuat tuntutan.

Kesimpulannya undang-undang yang ada khasnya Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, telah membantu para isteri teraniaya melindungi diri mereka dengan cara melepaskan ikatan perkahwinan. Walaupun ada perkhidmatan kaunseling di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan untuk mereka yang ingin bercerai pada peringkat awal, namun ia kurang mendapat sambutan. Hal ini kerana biasanya mereka yang datang mengadu dan mendakwa suami menganiaya mereka inginkan perpisahan kerana sudah tidak tahan lagi didera dan dianiaya.

6.2 Cadangan Dan Saranan

Setelah meneliti keseluruhan kajian dan melihat fakta-fakta yang didapati dalam kajian ini, dapatlah penulis mengemukakan beberapa cadangan dan saranan. Peruntukan undang-undang melindungi isteri teraniaya yang terdapat di dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 secara keseluruhannya didapati boleh membantu mereka. Walau bagaimanapun, beberapa perkara perlu diperkemaskan lagi bagi memberi keberkesanan perlindungan terhadap isteri teraniaya.

Mengenai perbuatan menganiaya isteri, perkara utama yang perlu dititikberatkan ialah usaha membentuk sikap individu dari peringkat awal melalui pendidikan supaya timbul kesedaran dalam diri masing-masing bahawa penganiayaan isteri adalah satu tindakan salah dan tidak bertanggungjawab.

Oleh itu, dicadangkan supaya digiatkan lagi kursus, seminar, penerangan dan seumpamanya kepada ibu bapa dan masyarakat umum, di samping usaha pihak Kementerian Pendidikan mendidik secara formal serta mendedahkan keburukan keganasan dalam keluarga di peringkat sekolah lagi.

Selain Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, umumnya, undang-undang yang baik telah ada. Terdapat peruntukan undang-undang yang boleh melindungi isteri teraniaya dan peruntukan undang-undang untuk menghukum pelaku. Namun, perhatian dalam memutuskan kes tuntutan membubarkan perkahwinan dengan sebab penganiayaan, misalnya, hendaklah turut diberikan kepada pelaku supaya mereka mendapat hukuman setimpal, bukan sekadar memberi tumpuan menyelamatkan mangsa sahaja dengan memberikan perintah sekatan dan membenarkan permohonan membubarkan perkahwinan.

Selain dihukum, pelaku perlu diwajibkan menjalani sesi kaunseling dan program motivasi agar mereka yang pernah terlibat melakukan keganasan dan penganiayaan sedar akan kesilapan masing-masing dan tidak mahu mengulangi perbuatan yang sama pada masa hadapan. Ini penting bagi menjamin tiada kes

berulang melibatkan orang yang sama. Hukuman yang lebih berat juga perlu dikenakan bagi mereka yang mengulangi kesalahan menganiaya isteri kali kedua atau seterusnya.

Memandangkan Pusat Khidmat Sepadu yang ditubuhkan banyak membantu, jumlahnya perlu ditambah dan lokasinya di tempat-tempat yang mudah dikunjungi, misalnya di setiap kawasan taman perumahan. Orang ramai terutamanya mangsa penganiayaan akan lebih mudah mendapatkan bantuan jika perkhidmatan ini dapat diperluaskan lagi.

Walaupun telah banyak usaha penyebaran maklumat dilakukan melalui berbagai-bagai media seperti akhbar, radio dan television, masih ada orang ramai khasnya mangsa yang tidak tahu hak mereka. Oleh itu penyebaran maklumat perlulah dipergiatkan lagi. Penubuhan apa yang dikenali sebagai OMBAK (Kempen Organisasi Membanteras Keganasan) oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam usaha menyedarkan orang ramai terhadap gejala yang boleh meruntuhkan masyarakat ini adalah langkah yang patut dipuji.